

HLB@SCHOOL

classroom
adventures...
EXPLORE · ENGAGE · EMPOWER

OGOS 2023
EDISI 6



CARA-CARA UNTUK

MENAMBAHKAN WANG SAKU SEBAGAI PELAJAR

"KEJAP, WANG TAK TUMBUH ATAS POKOK?"

Ungkapan ini digunakan untuk menyampaikan mesej bahawa wang tidak boleh didapati dengan percuma dan kita perlu bekerja keras untuk mendapatkannya.

Biarpun sekarang agak mustahil untuk anda bekerja, terdapat beberapa cara untuk mendapatkan wang saku tambahan iaitu dengan membantu keluarga atau komuniti anda.

Dengan elaun yang anda terima daripada ibu bapa anda, anda boleh berbelanja untuk membeli kehendak dan keperluan anda, di samping mengasingkan baki untuk simpanan.

SEBAGAI PELAJAR, APAKAH YANG BOLEH SAYA LAKUKAN UNTUK MENDAPATKAN WANG SAKU TAMBAHAN?

TERDAPAT BEBERAPA CARA YANG ANDA BOLEH LAKUKAN UNTUK MENAMBAH WANG SAKU ANDA SAMBIL MENGIMBANGI PELAJARAN ANDA. BERIKUT MERUPAKAN BEBERAPA CARA YANG BOLEH ANDA CUBA!



MEMBANTU DENGAN MEMBUAT KERJA-KERJA RUMAH.

Anda boleh membuat kerja-kerja harian di rumah yang selalunya dibuat oleh orang lain. Kerja-kerja seperti mencuci dan mengeringkan pakaian ataupun anda juga boleh membantu untuk mencuci kereta ibubapa anda atau membersihkan halaman rumah. Selain itu, anda boleh membantu jiran anda untuk menyapu halaman atau menjaga haiwan peliharaan mereka.



BELAJAR DENGAN BERSUNGGUH-SUNGGUH DAN BIJAK

Bincang dengan ibu bapa anda untuk memberi wang saku tambahan sebagai ganjaran apabila anda mendapat keputusan peperiksaan yang cemerlang atau mempamerkan tingkah laku yang boleh dicontohi. Anda boleh berjanji dengan ibu bapa anda bahawa anda akan belajar bersungguh-sungguh untuk mendapatkan keputusan yang cemerlang ataupun anda boleh menunjukkan kelakuan yang baik dengan melayani orang di sekeliling anda dengan baik.



TERAPKAN MINDA KEUSAHAWANAN

Apabila anda mempunyai peluang untuk memulakan perniagaan di bawah pengawasan ibu bapa atau guru anda, rebutlah peluang itu! Anda boleh meminta pertolongan ibu bapa anda untuk membuka sebuah gerai mini di depan rumah anda untuk menjual air lemon ataupun menawarkan diri andai untuk mengajar adik-adik anda.

DENGAN CARA-CARA YANG TELAH DIKONGSIKAN DI ATAS, PILIH SATU CARA DAN JADIKAN IA SEBAGAI CABARAN BUAT ANDA! INGAT YA, WANG SAKU TAMBAHAN YANG TELAH ANDA PEROLEH BOLEH DIGUNAKAN UNTUK KEPERLUAN DAN KEHENDAK ANDA!

TAHUKAH ANDA BAHAWA ANDA JUGA BOLEH MENABUNG DENGAN MENGGUNAKAN APLIKASI HLB POCKET CONNECT? MULA MENYIMPAN DENGAN WANG SAKU TAMBAHAN YANG ANDA TERIMA DARIPADA IBU BAPA ANDA DENGAN MEMBANTU IBU BAPA, KELUARGA ATAU JIRAN ANDA.

